

Sambutan merdeka ke-49 penuh aspirasi RMK-9

Oleh AMIR SARIFUDIN, BORHAN ABU SAMAH, SAYED HESHAM IDRIS dan ABDUL HALIM HADI

KUCHING 31 Ogos - Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-49 peringkat nasional di Padang Merdeka di sini, disambut meriah, berwarna-warni dan penuh bermakna sejajar dengan tema Keranamu Malaysia - Misi Nasional Penjana Wawasan.

Sambutan yang bermula pukul 7.30 pagi itu juga sentiasa diselang-seli dengan laungan 'Merdeka' dan 'Malaysia Boleh' daripada hadirin dan para peserta kontinjen berjumlah 15,050 orang.

Pada sambutan kali ini, setiap formasi yang dipersembahkan melibatkan 15,050 peserta, mempunyai kaitan dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Acara perbarisan dan perarakan sambutan kali ini secara simbolik menterjemahkan rangka kerja pembangunan negara dalam menuju negara maju 2020 dan memenuhi Misi Nasional negara.

Sambutan yang mengekalkan tema utama 'Keranamu Malaysia' kali ini bagi menggambarkan rasa syukur rakyat berbilang kaum dan agama yang hidup harmoni ekoran nikmat keamanan dan pembangunan pesat negara.

Tema kecil 'Misi Nasional Penjana Wawasan' pula bertujuan mengajak rakyat menghayati lima teras Utama RMK-9.

Lebih 100,000 pengunjung membanjiri Padang Merdeka di sini sejak pukul 5 pagi lagi termasuk para pelancong asing.

Acara sambutan peringkat nasional di bandar raya ini merupakan kali kedua Kuching menjadi tuan rumah sambutan sama sejak tahun 1993.

Sambutan bermula sejurus ketibaan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib; Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan Ke-49 serta menteri-menteri Kabinet Kerajaan Pusat dan negeri.

Perarakan sambutan hari ini disertai 17 kereta berhias, 22 kontinjen pancaragam sekolah, 44 kontinjen berjalanan kaki dan 15 buah kenderaan tentera.

Selain itu, acara lintas hormat udarakali ini melibatkan 12 pesawat dan helikopter milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pada sambutan di tengah bandar raya Kuching dengan cuaca yang baik walaupun sebelum ini Kuching sering hujan, selama dua jam bergenia dengan laungan ikrar setia rakyat dan merdeka.

Acara sambutan dimulakan dengan nyanyian *Negaraku* dan pada masa sama lima helikopter Nuri TUDM membuat lintas udara diraja dengan membawa Jalur Gemilang sambil melepaskan asap merah, biru dan kuning sebagai tanda warna ben-



TUANKU Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bersama Tun Abang Salahuddin Abang Barieng, Abdullah Ahmad Badawi, Najib Tun Razak dan Abdul Taib Mahmud serta barisan anggota Kabinet melaungkan 'Merdeka' semasa sambutan Hari Kemerdekaan ke-49 peringkat nasional di Padang Merdeka, Kuching, semalam.

Acara perbarisan dan perarakan sambutan kali ini secara simbolik menterjemahkan-rangka kerja pembangunan negara dalam menuju negara maju 2020 dan memenuhi Misi Nasional negara.

dera Malaysia. Tembakan meriam turut dilepaskan ke udara sebanyak 14 das.

Yang di-Pertuan Agong kemudian berkenan memeriksa kawalan kehormat yang membawa panji-panji diraja terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion ke-13 berpangkalan di Sri Aman dekat sini dan diketuai, oleh Penolong Pegawai Pemerintah, Mejar Sani Omar.

Persembahan

Acara disusuli persembahan tari khas sebagai pembuka tirai melibatkan 300 pelajar dari 10 buah sekolah rendah sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan tetamu ke Bumi Kenyalang di sini.

Persembahan tari itu bagi menggambarkan permuafakatan dan keharmonian semua etnik yang tinggal di negara ini. Lagu *Puteri Santubung* yang menjadi lagu tradisional juga berkumandang bagi memeriahkan lagi sambutan.

Upacara diikuti nyanyian lagu *Jalur Ge-*

milang dan *Keranamu Malaysia* disusuli bacaan Rukun Negara oleh lapan pelajar sekolah menengah diketuai Ketua Pelajar Sekolah Menengah Sains Kuching, Zulfadli Zahudin.

Sebanyak 3,200 pelajar sekitar Kuching dan Samarahan kemudian formasi lima teras RMK-9 iaitu peningkatan nilai tambah; pengetahuan sebagai pengemudi utama ekonomi; keperluan agihan saksama kekayaan; penggunaan sumber yang lestari dan kecekapan agensi dan institusi pelaksana.

Sepanjang sambutan, para pengunjung turut sama-sama peserta mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda keharmonian.

Di samping itu, perarakan kereta berhias dan persembahan tarian selama hampir dua jam menggambarkan usaha pembangunan modal insan sebagai pemaju utama pembangunan sektor pertanian yang merupakan sektor utamaya yang mahu dibangunkan di dalam RMK-9.

Persembahan padang pula diiringi kum-

pulan koir sebanyak 2,100 peserta gabungan pelajar institut perguruan dan pelajar dari 16 buah sekolah menengah yang menyanyikan lagu-lagu patriotik serta membuat paparan 'grafik manusia'.

Turut menyertai perarakan ialah empat calon angkasawan Malaysia iaitu jurutera Penerbangan Malaysia (MAS), Mohammed Faiz Kamaluddin, 34; pakar perigian Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kapten Dr. Faiz Khaleed, 26; pegawai perubatan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, 34, dan jurutera, S. Vanajah, 35.

Kontinjen terakhir perarakan ialah pasukan berkanu ATM yang telah berjaya merentasi Laut China Selatan sejauh 727 kilometer selama 17 hari mulai 9 hingga 26 Ogos, yang kejayaannya dicatat dalam *Malaysia Book of Records*.

Kemuncak sambutan ialah persembahan 2,000 peserta komponen rakyat bersepadu terdiri daripada 400 peserta berpakaian pelbagai suku kaum dan 1,600 peserta berpakaian seragam.

Acara berakhir kira-kira pukul 10.15 pagi apabila Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenan bersalaman dengan 57 veteran kemerdekaan termasuk penerima anugerah darjah kebesaran Pingat Gagah Berani dan Seri Pahlawan.